

# Eksport, swasta jana pertumbuhan KDNK

**EKONOMI** Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku ketiga tahun ini disokong permintaan eksport dan sektor swasta.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz berkata, eksport bersih mencatat pertambahan 3.3 peratus berbanding penguncupan 10.5 peratus sebelum ini, manakala permintaan sektor swasta dalam negeri naik 4.4 peratus.

"Sektor swasta kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan sepanjang tempoh itu. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku ketiga.

"Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 0.7 peratus," katanya.

Menurutnya, pelaburan swasta menunjukkan peningkatan 5.5 peratus menerusi perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Dari segi penawaran, perkhidmatan dan sektor pembuatan bertambah 4.4 peratus dan 4.8 peratus, manakala segmen pertanian dan perlombongan berkembang 2.4 peratus dan 5.3 peratus.

Industri pembinaan pula mencatatkan pertambahan sebanyak 9.9 peratus.

"Meskipun risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan secara berterusan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sekitar 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun depan," katanya.